

# ZOCON TABLET

Fluconazole (150mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zocon
2. Bagaimana Zocon berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Zocon
4. Cara menggunakan Zocon
5. Semasa menggunakan Zocon
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zocon
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Zocon

Zocon boleh digunakan sebagai terapi anti-jangkitan

- *Genital candidiasis* (jangkitan pada vagina dan zakar disebabkan oleh yis *Candida*).
- *Vaginal candidiasis* akut atau berulang (jangkitan kulat pada vagina)
- *Candidal balanitis* (jangkitan kulat pada hujung zakar).
- Jangkitan kulat pada kulit termasuk jangkitan kaki, jangkitan kulat pada lengan & kaki, jangkitan kulat pada pangkal paha dan jangkitan yis.

## Bagaimana Zocon berfungsi

Zocon adalah salah satu daripada ubat yang dipanggil "antifungal". Bahan aktif adalah fluconazole.

Zocon digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh kulat dan juga boleh digunakan untuk menghalang anda daripada mendapat jangkitan candidal. Penyebab utama jangkitan kulat adalah sejenis ragi yang dipanggil *Candida*.

## Sebelum mengambil Zocon

- Bila tidak boleh menggunakan
- Jika anda alergi atau hipersensitif pada Fluconazole dan kandungan ubat ini.
- Jika anda mengandung atau menyusukan bayi.
- Kehamilan & penyusuan

Maklumkan doktor anda jika anda

ada seperti berikut:

- Mengandung atau merancang untuk menjadi hamil.
- Zocon Tablet boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi anda yang belum lahir. Anda tidak boleh mengambil tablet Zocon semasa mengandung kecuali doktor anda memberitahu anda. Beritahu doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil.

Sekiranya anda seorang wanita yang berpotensi melahirkan anak, jangan menjadi hamil semasa rawatan. Gunakan kontrasepsi yang berkesan semasa rawatan dan selama 1 minggu selepas rawatan.

### • Menyusukan anak

Zocon Tablet dirembeskan dalam susu ibu, oleh itu penggunaannya pada ibu-ibu menyusu tidak digalakkan.

Walau bagaimanapun, penyusuan boleh dikekalkan jika anda mengambil satu dos tablet Zocon 150 mg. Penyusuan tidak disyorkan selepas dos tinggi (lebih daripada 150 mg) atau penggunaan tablet Zocon berulang kali.

### - Sebelum mula menggunakan Zocon

Sebelum anda mengambil Zocon, anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
- Jika anda mempunyai penyakit jantung, termasuk masalah irama jantung.
- Sekiranya anda mempunyai tahap kalium, kalsium atau magnesium yang tidak normal dalam darah anda.
- Sekiranya anda mengalami reaksi kulit yang teruk (Gatal-gatal, kemerahan kulit atau kesukaran bernafas).

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

- Antikoagulan (ubat yang digunakan untuk mencegah

pembekuan darah)

- Benzodiazepines (ubat penenang)
- Cisapride (ubat untuk merawat penyakit reflus gastroesophageal)
- Cyclosporine (ubat untuk mencegah penolakan pemindahan organ)
- Hydrochlorothiazide (ubat tekanan darah tinggi)
- Oral contraceptives (ubat yang diambil secara oral untuk mencegah kehamilan)
- Phenytoin (ubat untuk yang tidak terkawal disebabkan oleh sindrom Tourette)
- Rifabutin (antibiotik untuk merawat batuk kering)
- Rifampicin (ubat untuk merawat jangkitan bakteria dan batuk kering)
- Sulfonylureas (ubat antidiabetik)
- Tacrolimus (ubat untuk mencegah penolakan pemindahan organ)
- Terfenadine (ubat untuk merawat alergi)
- Theophylline (ubat yang digunakan dalam terapi untuk penyakit pernafasan)
- Zidovudine (ubat untuk merawat jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV))
- Astemizole (ubat untuk merawat alergi)
- Ubat-ubat lain yang dihasilkan oleh cytochrome P-450 system.

## Cara menggunakan Zocon

### -Berapa banyak harus digunakan Kegunaan pada Dewasa:

- Dos harian fluconazole harus berdasarkan sifat dan keterangan jangkitan kulat. Kebanyakan kes kandidiasis vagina bertindak balas kepada terapi dose tunggal. Tempoh rawatan yang tidak mencukupi boleh menyebabkan berlakunya jangkitan sekali lagi.
- 1. Untuk rawatan candidiasis vagina, flukonazol 150 mg perlu diberikan sebagai dos oral tunggal. Untuk candida balanitis, flukonazol 150 mg.

# ZOCON TABLET

Fluconazole (150mg)

perlu diberikan sebagai dos oral tunggal.

2. Untuk jangkitan kulit termasuk tinea pedis, corporis, cruris dan jangkitan candida dos yang disyorkan ialah 150 mg sekali seminggu. Tempoh rawatan biasanya 2 hingga 4 minggu tetapi tinea pedis mungkin memerlukan rawatan sehingga 6 minggu.
3. Untuk kanak-kanak, penggunaan pada masa ini tidak digalakkkan melainkan rawatan antifungal adalah penting dan tiada agen alternatif yang sesuai

#### *Untuk orang tua:*

Dos dewasa biasa harus digunakan. Dalam penggunaan untuk pesakit buah pinggang Fluconazole dikeluarkan secara besar-besaran dalam air kencing sebagai ubat yang tidak berubah. Tidak ada penyesuaian dalam terapi dose tunggal.

#### *- Bila perlu digunakan*

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu Menggunakan Zocon bergantung kepada jenis jangkitan yang anda hadapi.

#### *- Berapa lama perlu digunakan*

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi dos yang disarankan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

#### *- Jika terlupa menggunakan*

- Jangan menggandakan sukatan kerana Zocon mungkin akan memberikan kesan sampingan yang serius.

#### *- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Anda dinasihatkan supaya menghubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Zocon berlebihan.

#### **Semasa menggunakan Zocon**

- *Perkara yang perlu dilakukan*
  - Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mestri dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
  - Maklumkan doktor anda jika tanpa dijangka anda perlu mengambil ubatan lain.
  - Ambil Zocon mengikut dos yang disarankan.
  - Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.
- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
  - Jangan ambil Zocon lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satuhari.
  - Jangan melebihi dos ubat pada setiap pengambilan.

#### *- Perkara yang perlu diberi perhatian*

- Kesan toksik pada hati
- Pesakit AIDS lebih terdedah kepada tindak balas pada kulit yang teruk
- Jika mengambil dos < 400mg/sehari bersama terfenadine.
- Jika anda berpotensi mendapat keadaan proarrhythmic (degupan jantung tidak teratur yang wujud sebelum ini berlaku dengan lebih kerap).

#### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Zocon boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

#### *Kesan sampingan yang biasa:*

- Pening, sawan
- Perut & gangguan usus: Sakit abdomen, cirit-birit, kembung perut, rasa loya, (senak atau sakit perut) dan muntah-muntah.

- Ketoksikan / gangguan hati Kegagalan buah hati, keradangan buah hati, kecederaan toksik pada hati.
- Penyakit kuning
- Gangguan pada kulit dan tisu subkutaneus (tisu di bawah kulit), Ruam.
- Gangguan pada darah dan sistem limfa *Leucopenia* (Pengurangan sel darah putih)
- Gangguan pada imunisasi Anafilaksis (Tindak balas alergi terhadap alergen)
- Gangguan metabolisme dan nutrisi.
- Gangguan pada jantung

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

#### **Cara penyimpanan dan Zocon**

##### *- Penyimpanan*

Jauhkan Zocon daripada jangkauan kanak-kanak.  
Simpan di bawah 30°C.  
Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

##### *- Pelupusan*

Jangan guna Zocon yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak

diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### *- Rupa dan warna produk*

Zocon tablet berwarna merah jambu, bulat dan rata dengan skor di satu sisi dan kosong di sisi yang lain.

- Bahan- bahan kandungan

Aktif: *Fluconazole*

Bahan Tidak Aktif:

*Propyl Paraben, Methyl  
Paraben,*

*Ponceau 4R Supra, Sodium  
Lauryl Sulphate, colloidal silicon  
dioxide , Starch, magnesium  
stearate, talc, Sodium Starch  
Glycollate, Dibasic calcium  
phosphate, Purified Water .*

Nombor MAL

MAL07101243AZ

**Pengilang**

FDC Limited, L-56 / 57,  
Verna Industrial Estate,  
Verna Goa – 403 722, India.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Unimed Sdn Bhd  
No. 53, Jalan Tembaga SD5/2B  
Bandar Sri Damansara 52200  
Kuala Lumpur.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

22/5/2018

Nombor siri  
NPRA(R4/1)250418/00125